

92

Program "MASIH ADA YANG SAYANG".

Hal Ehwal Pelajar

Telah Dihantar: 02 September 2010 9:00

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Su: Prof. Madya Dr. Mohd Amy Azhar b. Hj. Mohd Haniff; Ahmad Rasidi B Abdullah; Muhammad Salleh bin Ahmad Fadzaillah

Lampiran-lampiran: image003.png (98 KB); image004.png (1 MB);



2 SEPTEMBER 2010/23 RAMADHAN 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Pada 02 hingga 05 September 2010, Pusat Kaunseling, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka akan menganjurkan program 'MASIH ADA YANG SAYANG' kepada penghuni-penghuni Rumah Amal Yayasan DMDI (Dunia Melayu Dunia Islam), Jalan Tun Kudu Bukit Katil, Melaka.

Dalam program tersebut, aktiviti yang akan dilaksanakan menjurus kepada aspek memahami dan mengkaji geontologi warga emas. Ini kerana hampir semua pakar muda sekarang akan menjadi tua suatu hari kelak. Sukarelawan bagi program ini terdiri daripada beberapa para pelajar Sekretariat dan Persatuan UUM iaitu Pembimbing Rakan Siswa (PRS), DPP PERWAJA dan juga Ad-Hoc Anak-anak Melaka.

Sempena dengan itu Yang Amat Berhormat Datuk Seri Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam telah berbesar hati untuk meraikan sukarelawan pelajar-pelajar UUM di satu majlis Jamuan berbuka puasa pada 04 September 2010 (Sabtu) bermula jam 6.00 petang bertempat di Seri Bendahara, Kediaman Ketua Menteri Melaka. Pada Majlis tersebut juga iaitu Naib Canselor UUM Yang Berusaha Prof.Dr.Mohamed Mustafa B Isahak, akan turut hadir bersama Timbalan Naib Canselor HEPA, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa dan pegawai kanan Universiti dijemput untuk meraikan.